

24/02/1997

Kerajaan hanya beli syarikat berpotensi

Salina Abdullah

SUBANG, Ahad - Kerajaan tidak akan membeli syarikat antarabangsa sewenang-wenangnya jika mendapati pembelian itu tidak memberi keuntungan, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Menurutnya, apabila menerima tawaran, kerajaan akan meneliti segala aspek, termasuk kemampuan syarikat mencatat perolehan yang baik terlebih dahulu sebelum membuat keputusan berhubungnya.

Sehubungan itu, katanya, setiap pihak tidak boleh menganggap tindakan kerajaan itu membazir walaupun syarikat yang ditawarkan kepada negara itu hampir bankrap.

"Kerajaan mengkaji sama ada keputusan menerima tawaran syarikat terbabit ini menguntungkan atau tidak. Kita menolak banyak tawaran kerana mendapati syarikat yang ditawarkan itu tidak memberi kebaikan, khususnya dalam jangka panjang.

"Tambahan pula, biasanya, syarikat yang maju tidak dijual. Oleh itu, apa salahnya kita terima tawaran syarikat yang hampir bankrap ini berdasarkan syarat yang menarik dan memulihkannya supaya boleh membawa keuntungan kepada kita," katanya selepas merasmikan Konvensyen ulang tahun ke-21 Avon dan melancarkan wajah serta warna Avon Cosmetics (Malaysia) Sdn Bhd, di sini hari ini.

Beliau mengulas langkah kerajaan menerima tawaran berhubung usaha menyelamatkan syarikat pembuat pesawat NV Fokker yang berpusat di Belanda.

Baru-baru ini, Asian Wall Street Journal (AWSJ) melaporkan Malaysia terbabit dalam usaha menyelamatkan Fokker yang hampir bankrap bersama sekumpulan rakan kongsi antarabangsa.

Laporan itu menyebut, sebarang penyertaan Malaysia dalam usaha memulihkan syarikat itu dipercayai akan dilakukan menerusi syarikat pelaburan kerajaan, Khazanah Nasional Berhad.

Fokker, antara syarikat pembuat pesawat terbang tertua di dunia menghadapi masalah yang semakin meruncing Mac lalu dengan memfail syarikat itu bankrap apabila pemegang saham terbesarnya, Daimler-Benz AG dari Jerman, menarik diri bersama saham bernilai AS\$1.5 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan laporan itu bagaimanapun enggan mengesahkan sama ada Khazanah Holding terbabit dalam usaha itu.

Ditanya mengenai kesediaan industri tempatan menceburi industri automotif berteknologi tinggi berikutan penganjuran kejohanan Formula One oleh Malaysia pada 1999, Rafidah berkata tiada sebab industri tempatan gagal berbuat demikian.

"Industri tempatan mempunyai tapak yang baik untuk tujuan itu. Persoalannya, hanyalah sejauh mana komitmen dan kesungguhan untuk kita mempelajari teknologi berkaitan.

"Tambahan pula, peluang ini membabitkan pelbagai peluang bukan setakat menghasilkan enjin tetapi komponen lain yang diperlukan untuk buat enjin, yang mana mungkin pada satu hari nanti kita boleh bekalkan kepada negara lain.

"Peluang ini harus digunakan untuk membangunkan industri automatif tempatan. Tidak semestinya kereta lumba bagaimanapun usaha ke arah ini sudah dimulakan, termasuk pembelian syarikat kereta lumba Lotus oleh DRB-Hicom," katanya.

Selain itu, katanya, negara boleh mengambil kesempatan mempromosikan bidang pelancongan atau apa sahaja keupayaan teknologi negara dalam bidang

berkaitan.

(END)